

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

Nation 5

THE STAR M/S 5 NATION 2/1/2025 (KHAMIS)

Child specialists need career growth to stay in public service, say health experts

By HO JIA WEN
jiawen.ho@thestar.com.my

PETALING JAYA: Specialists, especially senior paediatricians, need better career prospects and conditions if they are to continue in government service, say health professionals.

Many senior paediatricians have stagnated for years without promotion, with 35 in UD56 for seven years and around 90 in the same rank for three years, said Datuk Dr Zulkifli Ismail, a committee member of the Malaysian Paediatric Association.

"Promote the senior specialists to Jusa C and don't let them hover in UD56," he said, adding that it was a doable move and would not bring many financial implications for the government.

It has been reported that 359 specialist doctors resigned from public service in 2023, which was more than double the 168 in 2022 and the highest since 2019 when 229 quit.

Between 2022 and 2023, the highest number of resignations involved paediatricians, with 78 of them leaving.

Dr Zulkifli said promoting the specialists will allow junior paediatricians to see a future in public service and also prevent specialists from moving out.

He also urged the government not to forget paediatricians sent to rural areas.

Consultant paediatrician Datuk Dr Amar Singh HSS said paediatricians were not the only specialists leaving public service. Other disciplines, like adult medicine (physicians), have seen a higher number leaving.

He also agreed that a critical factor was the lack of career advancement opportunities, adding that while some moved to private practice for more attractive pay, others moved due to frustration with the public healthcare system.

Former hospital director Dr A. Lingewaran, who is now a senator, expressed concern about the falling number of specialists in government hospitals.

He said that more than half of the 18,238 registered specialists on the National Specialist Register (as of Jan 1), are in the private sector.

In a parliamentary reply by the Health Ministry in June, he said 8,397 specialists were in the public sector, which is only 46% of registered specialists.

However, Dr Lingewaran said the workload for those in the public sector was higher, as public hospitals saw around 2.9 million admissions compared to the 1.3 million in private hospitals.

"For outpatients, public hospitals registered around 22 million patients while it is only four million in the private facilities."

"Clearly, there is a huge discrepancy of workload compared to their private sector colleagues," he said.

He said public sector specialists also taught and trained the next generation of medical officers and specialists, so their numbers needed to be higher.

Consultant paediatrician and neonatologist Dr Masri Muhamad said job satisfaction was a strong factor for specialists to move to private practice.

"Private hospitals are more well-equipped, allowing specialists to practise up-to-date medicine," he said.

To encourage specialists to stay, he said the government could offer them the option to choose their workplaces and flexible working hours, alongside a clearer career pathway.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**MUKA SURAT : 1****RUANGAN : MUKA DEPAN**

UTUSAN MALAYSIA M/S 1 MUKA DEPAN 2/1/2025 (KHAMIS)

Caj konsultasi, harga ubat rawatan demam kini boleh cecah RM120

Kos rawatan klinik swasta naik

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
dan **NAZIM SYAZWI**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kos rawatan di kebanyakan hospital dan klinik swasta di negara ini didapati melambung naik bermula November tahun lalu.

Kenaikan kos sehingga melebihi 100 peratus itu turut me-

libatkan caj ubat-ubatan yang tidak sepatutnya dibekalkan kepada pesakit atas alasan sebagai ‘persediaan’ jika alami gejala lain.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, orang ramai mengaku caj rawatan yang dikenakan di pusat rawatan swasta terutamanya klinik amat membebankan ketika ini.

Seorang pekerja swasta yang ingin dikenali sebagai Ahmad berkata, dahulu dia mengeluarkan belanja antara RM50 hingga RM70 setiap kali ke klinik swasta jika demam atau sakit ringan.

Tetapi kini, katanya, kos itu meningkat sekali ganda dan lebih membebankan doktor akan membekalkan ubat yang tidak perlu.

“Caj rawatan di klinik swasta bagi rawatan demam ketika ini boleh mencapai RM120 sehingga RM150 dan saya rasa harga itu amat membebankan. Itu baru demam, bayangkan jika ada sakit yang lebih serius.

“Kita pergi ke klinik atau hospital swasta kerana tidak perlu menunggu lama, selain percaya konsultasi yang di-

berikan oleh doktor juga lebih lengkap.

“Namun, dengan harga yang dikenakan, mungkin akan berliah semula ke klinik atau hospital kerajaan, tidak kisahlah perlu menunggu lama asalkan harganya lebih murah dan berputatan,” katanya.

Bersambung di muka 2+

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 2 D/NEGERI 2/1/2025 (KHAMIS)

Kos rawatan klinik swasta naik

Dari muka 1

Bagi peniaga, Abdul Faqir Hassan, 37, pula berkata, dia pernah dikenakan caj berlebihan bagi rawatan kecederaan pada tulang.

Katanya, dia diberikan rawatan X-ray serta MRI serentak sedangkan satu daripada rawatan itu sudah memadai.

"Tiada sebarang perbincangan atau pertanyaan dibuat dengan saya sedangkan pesakit berhak mengetahui jenis rawatan yang akan diberikan kepada mereka.

"Bila itu seperti ini berlaku, kami akan dikenakan caj berlebihan yang tidak sepatutnya," ujarnya.

Situasi itu diakui oleh bekas pembantu klinik, Nur Syakila Irdina Wirdana, 24, yang menyatakan pesakit selalunya tidak menyedari mereka sebenarnya diberikan rawatan atau ubatan tambahan yang tidak perlu bagi menangani masalah kesihatan mereka.

Katanya, pesakit yang mengalami demam sering diberikan ubat tambahan oleh doktor seperti ubat sakit tekak atau batuk walaupun tiada sebarang gejala tersebut.

"Kalau pesakit hanya demam, sepatutnya cukup dengan ubat demam dan jika perlu antibiotik. Tetapi doktor tetap memberikan ubat lain sebab nak caj lebih."

"Ada juga ubat yang sama, tetapi dijual dengan harga yang berbeza. Doktor semacam sejaja memilih ubat yang lebih mahal supaya dapat mengenakan caj lebih tinggi," jelasnya.

Seorang mahasiswa universiti awam, Fatin Nursyamimi Kamal, 22, pula berkata, dia mengalami kecederaan parah pada jari dan terpaksa mendapatkan rawatan di klinik swasta atas faktor kecemasan



Ada juga ubat yang sama, tetapi dijual dengan harga yang berbeza. Doktor semacam sengaja memilih ubat yang lebih mahal supaya dapat mengenakan caj lebih tinggi."

ekoran hospital kerajaan terletak jauh.

Katanya, walaupun rawatan hanya melibatkan pembersihan ringan dengan kapas pembersih dan tiada sebarang jahitan atau ubat, beliau tetap dikenakan caj RM80.

"Bagi saya, caj tersebut terlalu mahal dan tidak masuk akal dengan perkhidmatan yang diberikan.

"Pengalaman ini membuatkan saya berasa kurang berbaloi mendapatkan rawatan di klinik swasta selepas ini," katanya.

Seorang pesakit, Afif Azman, 45, berkata, dia terkejut apabila dikenakan caj hampir RM3,500 hanya untuk rawatan demam dengan selama dua hari di sebuah hospital swasta di Perak.

Katanya, dia hanya diberikan ubat demam, ubat tahan sakit dan dimasukkan air selama dua hari.

"Tetapi bil yang dikenakan sangat tinggi sehingga saya terpaksa menggunakan simpanan kecemasan untuk menyelesaikan bayaran.

"Malah, caj katil sahaja mencecah RM400 semalam, manakala kos ujian darah dan pemeriksaan doktor turut menyumbang kepada jumlah caj

yang tinggi," katanya.

Sementara itu, kenaikan kos barang asas dan perkhidmatan seperti bekalan perubatan, utiliti dan logistik menyumbang kepada peningkatan kos operasi hospital serta klinik.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr. Mohd. Ismail Ibrahim berkata, selain kos tersebut, kos tenaga kerja dan utiliti yang meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini juga memaksa banyak fasiliti swasta menyemak semula struktur harga mereka untuk mengekalkan kelangsungan operasi.

Katanya, walaupun kenaikan kos itu hanya membabitkan sebilangan kecil hospital dan klinik swasta, namun ia menimbulkan keimbangan serius.

"Wujud kembimbangan ini kerana sering dikaitkan dengan institusi atau individu yang mengabaikan etika perubatan dan kepentingan keuntungan semata-mata.

"Terdapat laporan mengenai caj tidak munasabah untuk rawatan asas atau prosedur mudah yang jelas melebihi kadar pasaran tanpa sebarang justifikasi kukuh," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini *Utusan Malaysia* melaporkan, caj perubatan di hospital swasta kurang dikawal berbanding hospital awam, namun sekiranya dibiarkan tanpa pemantauan, hospital swasta berpotensi mengambil kesempatan dengan menaikkan harga bagi meraih keuntungan lebih tinggi.

Dalam situasi tertentu, hospital swasta juga mungkin terpaksa menaikkan caj perkhidmatan bagi menampung peningkatan kos premium insurans kesihatan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA



KEADAAN Perodua Ativa yang terbasas dan terhumban ke dalam parit selepas terbabit kemalangan.

HARIAN METRO M/S 5 LOKAL 2/1/2025 (KHAMIS) *lokal* **Kakitangan klinik maut dirempuh SUV**

Kuala Selangor: Seorang kakitangan Klinik Kesihatan Kapar yang dalam perjalanan pulang ke rumah meninggal dunia selepas dirempuh kenderaan utiliti sukan (SUV) Perodua Ativa di Kilometer 32, Jalan Klang-Teluk Intan dekat Jejam di sini, jam 6.11 petang kelmarin.

Mangsa yang juga lelaki berusia 57 tahun dan menunggang motosikal Honda Wave meninggal dunia di lokasi.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor Superintendant Azaharudin Tajudin berkata, ketika kejadian, mangsa dalam perjalanan dari Klang ke Kuala Selangor.

"Tiba di lokasi, mangsa yang menunggang di lorong kiri dirempuh Perodua Ativa dari arah bertentangan.

"Akibatnya, jeneta serta

SUV itu terbasas dan terhumban ke dalam parit," katanya dihubungi, semalam.

Azaharudin berkata, pemandu Perodua Ativa yang juga lelaki berusia 49 tahun dibawa ke sebuah hospital swasta di Shah Alam untuk rawatan manakala mayat dibawa ke

"Mangsa dirempuh Perodua Ativa dari arah bertentangan
Azaharudin

Hospital Tanjung Karang untuk bedah siasat.

Kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian diminta menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Selangor di talian 03-32891222 atau mana-mana balai polis berhampiran bagi membantu siasatan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA MISI 12 D/NEGERI 2/1/2025 (KHAMIS)

Syukur dapat bayi sulung hari pertama tahun 2025

Oleh ROSLIZA MOHAMED
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Pasangan suami isteri bersyukur kerana hasrat mereka untuk menimang cahaya mata sulung pada hari pertama memasuki tahun 2025 menjadi kenyataan.

Tengku Aisyah Izz Tengku Anuar, 27, berkata, bayi lelaki itu lahir empat hari itu lebih awal daripada tarikh jangkaan pada Sabtu ini.

“Kami memang berhasrat mendapatkan anak sulung sempena tahun baharu 2025 dan dimakbulkan. Syukur semuanya berjalan dengan baik dan semoga Allah permudahkan urusan anak apabila dewasa kelak,” katanya ketika ditemui di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini, semalam.

Dalam pada itu, Hanumliyana Ariffin, 24, teruja kerana melahirkan anak sulung seberat 2.4 kilogram di HRPZ II pada pukul 8 pagi semalam walaupun jangkaannya adalah pada 12 Januari ini.



ANTARA bayi yang dilahirkan pada hari pertama 2025 berada di pangkuan ibu mereka di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu, Kelantan, semalam. - UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED

“Harapan saya supaya anak sulung ini menyinari keluarga dengan kebaikan untuk dunia dan akhirat, disamping mempunyai pendidikan yang tinggi,” katanya.

Sementara di Johor, sambutan tahun baharu 2025 lebih bermakna bagi pasangan Mohammed Fazurul Rahman, 30,

dan Nur Atilla Abd. Rahman, 29, apabila turut menyambut kelahiran anak sulung mereka.

Mohammed Fazurul berharap, kehadiran cahaya mata pada tarikh istimewa ini diharap membuka lembaran baharu dalam kehidupan mereka yang berkahwin pada Februari tahun lalu.

Dia bekerja sebagai tukang masak di Singapura berkata, sepatutnya isteri dijadualkan bersalin pada 4 Januari.

“Ini kerana saiz bayi agak besar doktor nasihatkan isteri bersalin lebih awal. Jadi, kami bersetuju untuk memilih tarikh 1 Januari yang menandakan kedatangan tahun baharu 2025,” katanya.